

05 NOV 2003

Zainuddin-PAS

TINDAKAN PAS MAINAN POLITIK - ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Janji PAS untuk menegakkan negara Islam adalah merupakan sandiwara yang paling besar sekali, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata ini terbukti dengan PAS menyediakan dua manifesto untuk pilihan raya akan datang -- satu untuk negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dan satu lagi untuk negeri-negeri lain di Semenajung serta untuk peringkat nasional.

"Maka itu, orang Melayu tidak seharusnya cepat tertawan dan menjadi begitu emosional dalam mendengar dan membaca kenyataan pemimpin-pemimpin PAS yang seolah hendak memperbaiki persengketaan politik Melayu dan memulihkan perpaduan Islam," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Zainuddin berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam bahawa PAS merasa tidak bersalah membuat kenyataan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad bersandiwara berhubung hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Menteri Besar Kelantan itu berkata PAS termasuk beliau sendiri mengatakan Dr Mahathir hanya bersandiwara adalah bagi memastikan bekas perdana menteri itu betul-betul mengotakan janji dan melepaskan semua jawatan.

"Kenyataan Nik Abdul Aziz yang mendedahkan bahawa PAS hanya bersandiwara dalam menyatakan Tun Dr Mahathir tidak akan berhenti bagi memastikan perdana menteri itu bersara telah memperteguhkan lagi keyakinan saya selama ini bahawa semua tindakan PAS adalah bersifat permainan politik dan pura-pura semata-mata," kata Zainuddin.

Zainuddin berkata orang Melayu seharusnya lebih percaya kepada parti-parti komponen dalam Barisan Nasional dari pemimpin Islam PAS dalam usaha membina perpaduan negara.

-- BERNAMA

RV RV RON